

Elemen Elektrifikasi BMW 530e M Sport serlah prestasi dan teknologi masa hadapan

PANDU UJI

Lizam Ridzuan
lizamridzuan@metro.com.my



Model BMW 5 Series terus menjadi pilihan buat peminat jenama itu yang mahukan sebuah kendaraan sedan eksekutif dengan ciri sporty dan selesa.

Ia juga melalui perubahan sesuai dengan peredaran masa, malah kini ia tampil lebih elegan, moden dan berteknologi.

Vroom berpeluang memandu uji model BMW 530e M Sport Baharu yang juga model pemasangan tempatan (CKD) dan memasuki pasaran Malaysia sekitar Mei tahun lalu.

Untuk pasaran tempatan, dua varian ditawarkan. Selain 530e dengan ciri kenderaan plug-in hibrid (PHEV), terdapat model 530i yang ditawarkan dengan enjin petrol (ICE) pengecas turbo.

Model generasi ketujuh ini antaranya datang dengan rekaan luaran pakej M aerodinamik, lampu hadapan lebih tirus dan lampu nyalaan siang (DRL) rekaan baharu.

Ia juga tampil menyerlah dengan padanan rim aloi bersaiz 19 inci, suspensi adaptif dan brek M Sport.

Memasuki ke ruang kabin 530e, ia menawarkan

gaya elegan, keselesaan selain kerusi sport untuk pemandu dan penumpang.

Selain selesa, ia juga menjadikan posisi memandu lebih stabil terutama ketika melewati laluan berselekoh selain memudahkan pemandu melaras posisi kedudukan dengan butang kuasa elektrik.

Kebanyakan material pada pintu dan papan pemuka diberi kemasan Aluminium Rhombicle, kulit Dakota manakala bumbungnya dilapisi anthracite.

Ia juga didatangkan dengan sistem infotainment bersaiz 12.3 inci skrin sesentuh dengan BMW Live Cockpit Profesional.

Penulis gemar dengan sistem keterhubungan Apple CarPlay kerana ia memudahkan ciri komunikasi daripada telefon pintar ke dalam kabin.

Pada masa sama, model ini dilengkapi antaranya Amaran Menukar Laluan dan Keluar Laluan, Amaran Perlanggaran Hadapan dan Amaran Trafik-Melintas Belakang.

BMW 530e M Sport dijana enjin 1,998cc TwinPower Turbo gabungan BMW eDrive iaitu motor elektrik generasi terbaharu.

Motor elektrik ini mampu menjana 292 kuasa kuda (hp) dan torak 420Nm (gabungan enjin dan motor elektrik).

Ia mampu memecut daripada 0 ke 100 kilometer/sejam (km/j) dalam tempoh 5.9 saat. Kelajuan

maksimumnya mencecah 235km/j.

Penukar gear juga lancar melalui padanan transmisi lapan kelajuan automatik Steptronic Sport.

Kelajuan kereta ini juga cukup 'menyelerakan'. Sebaik penulis menekan pedal minyak, dengan dibantu motor elektrik, ia menghemburkan kuasa dengan pantas sama ada pada laluan lurus atau selekoh.

Mengguna mod perjaluan Sport membuatkan enjin terasa lebih ringan dan responsif.

Pilihan juga boleh dibuat sama ada untuk menggunakan Eco Pro, Comfort dan Adaptif.

Untuk lebih ciri mesra alam, mod kuasa elektrik (EV) penuh boleh digunakan. Ia mampu menjangkau sehingga 50km, sesuai untuk perjalanan dalam bandar atau jarak dekat.

Motor elektriknya boleh dicas penuh dalam masa tiga jam 35 minit.

Masa pengecasan diambil bagi BMW i Wallbox pula sekitar enam jam untuk soket konvensional serta kabel standard.

Penulis juga lebih yakin sepanjang pemanduan kerana model ini disertakan Kawalan Kestabilan Dinamik (DSC), Kawalan Cengkaman Dinamik (DTC), Kawalan Brek Selekok (CBC), Kawalan Brek Dinamik (DBC) dan Sistem Brek Anti-Kunci (ABS) dengan Bantuan Brek.

Secara keseluruhan, BMW 530e M Sport Baharu ini menawarkan kendaraan versatil untuk tujuan formal atau berhujung minggu.

Ciri keselamatan terbaik, berprestasi serta kemasan elegan antara karakter utamanya.

Untuk model ini, dengan satu isian tangki bahan api penuh 40 liter, ia mampu menjangkau perjalanan sehingga 500km, bergantung kepada corak pemanduan, bebanan dan faktor permukaan jalan raya.

Lima pilihan warna ditawarkan iaitu putih alpine, hitam karbon metalik, kelabu metalik, biru phytomic dan bluestone metalik.

BMW 530e M Sport Baharu dijual pada harga RM321,969 (atas jalan tanpa insurans dengan pengecualian cukai jalan).

SPESIFIKASI

BMW 530e M SPORT BAHARU

ENJIN: 1,998cc TwinPower Turbo

BMW, BMW eDrive

TRANSMISI: Lapan kelajuan

automatik Steptronic Sport

KUASA MAKSIMUM: 184hp pada

5,000 hingga 6,500

(292hp gabungan motor elektrik)

TORK MAKSIMUM: 300Nm pada

1,350 hingga 4,000 (420Nm gabungan motor elektrik)

KAPASITI TANGKI PETROL: 40 liter

KEAJUAN MAKSIMUM: 235km/j

CIRI KESELAMATAN: Kawalan

Kestabilan Dinamik (DSC),

Kawalan Cengkaman Dinamik

(DTC), Kawalan Brek Selekok

(CBC), Kawalan Brek Dinamik

(DBC) dan Sistem Brek Anti-Kunci (ABS) dan Bantuan Brek.

HARGA: RM321,969 (atas

jalan tanpa insurans dengan pengecualian cukai jalan)



05 June 2022



05 June 2022

